

Pencapaian kita masih rendah – PM Malaysia perlu tingkat penghasilan barangan getah

PULAU PINANG 24 Mei — Datuk Sri Dr. Mahathir hari ini menegaskan, Malaysia sebagai negara pengeluar getah yang utama di dunia mestilah meningkatkan penggunaan bahan itu bagi menghasilkan barangan daripadanya. Menurut beliau, pencapaian Malaysia masih rendah berbanding negara - negara Asia yang tidak mengeluarkan getah. Berucap merasmikan kilang membuat sarung tangan getah Baxter Healthcare di Bayan Lepas di sini, beliau memberi contoh Korea Selatan yang dalam tempoh 11 bulan pertama tahun lalu menggunakan 375,000 tan getah manakala Taiwan dalam jangka 10 bulan pertama tahun itu menggunakan 97,000 tan. "Sedangkan Malaysia, negara pengeluar getah yang utama di dunia cuma menggunakan 87.600 tan sepanjang tahun lalu," jelasnya di upacara tersebut. Perdana Menteri menarik perhatian bahawa kegiatan pengilangan dan eksport

akan membolehkan negara ini memperolehi pendapatan yang lebih dan selain dari usaha galakan kerajaan, para pengeluar bahan itu juga boleh memainkan peranan mereka. "Sekiranya kita mempunyai industri - industri besar untuk mengeluarkan barangan yang diperbuat daripada getah, hasil pengeluaran kita akan menjadi murah dan akan memudahkan usaha menjualnya," kata beliau. Negara ini, menurut beliau sekarang ini mengeluarkan lebih dari 34 peratus getah asli dunia dan bahan ini terdapat banyak di negara ini dan dakwaan mengatakan ia sudah berkurangan adalah tidak berasas. Suatu masa dulu, industri tayar di negara ini dianggap menggunakan getah yang paling banyak sekali, tetapi sekarang ini pembuatan barang - barang berasaskan getah yang lain sudahpun mengatasi tayar, katanya. Setakat ini, kerajaan telah meluluskan 149 projek untuk mengeluarkan berbagai jenis sarung tangan yang mana 28 buah

darinya sudahpun beroperasi yang berkemampuan mengeluarkan 825 juta pasang sarung tangan. Menurut beliau, 100 permohonan baru untuk menubuhkan kilang yang serupa sedang dipertimbangkan oleh kerajaan sekarang. Mengenai industri elektronik, beliau memberitahu, sekarang terdapat 17 kilang elektronik kepunyaan Amerika yang jumlah pelaburannya melebihi \$1.5 ribu juta. Memandangkan kadar pertumbuhannya setahun \$300 juta, kadar pelaburan kumpulan syarikat - syarikat elektronik Amerika di negara ini akan meningkat \$3,000 juta yang dijangka menjelang tahun 1993 nanti. Turut hadir di upacara itu termasuk Menteri Pendidikan, Encik Anwar Ibrahim, Timbalan Menteri di Jabatan Perdana Menteri, Datuk Raja Ariffin Raja Sulaiman, Ketua Menteri, Dr. Lim Chong Eu dan pembesar - pembesar negeri dan duta Amerika.